

13/05/2003

Rafidah sedia berkorban untuk Umno

Ahli Umno Muda

APA juga lagu patriotik yang dinyanyikan, bagi saya melambangkan semangat yang tertanam dalam sanubari si penyanyi dan boleh mempengaruhi orang lain yang mendengarnya.

Sehubungan itu, saya tabik kepada Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah

Aziz, yang begitu bersemangat menyanyikan semua lagu Umno pada malam sambutan ulang tahun ke-57 tahun pertubuhan itu di Stadium Merdeka, malam Ahad lalu.

Begitu juga dengan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bersemangat menyanyikan lagu itu.

Mungkin ada yang beranggapan isu menyanyikan lagu Umno perkara remeh, tetapi hakikatnya lirik yang dialunkan itu bukan saja menggambarkan parti, malah menyemai semangat cintakan parti jika dinyanyikan dengan penuh penghayatan.

Kerana itu saya bangga ketika melihat Rafidah dengan bersemangat menyanyikan bukan saja lagu Umno dan Wanita, malah ketika lagu Pemuda dan Puteri berkumandang.

Jika mahu, beliau boleh menyanyikan lagu Umno dan Wanita saja, tetapi agak memeranjatkan apabila beliau turut menyanyikan lagu untuk Pemuda dan Puteri Umno.

Dari situ, kita boleh lihat bahawa Rafidah tidak pernah memilih bulu, sebaliknya bersedia melakukan apa saja demi kepentingan Umno keseluruhannya termasuk menghafal lagu semua sayap dalam parti.

Maka tidak hairan kenapa beliau sedikit pun tidak melatah apabila dirinya dikaitkan dengan isu remeh yang cuba melagakan Wanita dengan Puteri. Ini kerana semangat juang beliau demi kelangsungan parti secara keseluruhan.

Semangat itulah yang kita harap bakal disemai oleh generasi muda yang bakal menjadi pengganti kepada pemimpin sedia ada.

Kepada pemimpin lain, menyanyikan lagu Umno mungkin dianggap bukan perkara penting. Tetapi sebenarnya, semangat yang ditunjukkan ketika mengalunkan lirik itu secara tidak langsung memperlihatkan tahap kasih sayang kita kepada parti.

Kepada Rafidah Aziz, terima kasih dan syabas kerana memberi semangat pada saya ketika ada di antara pemimpin lain yang berat mulut untuk mendendangkan lagu parti yang memperjuangkan nasib Melayu dan Malaysia selama ini.

AHLI UMNO MUDA,
Kuala Lumpur.